



# LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 1C Pt 23 /( 69 )**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

**04** Februari 2021  
**22** Jamadilakhir 1442H

## **Semua Juruukur Tanah Berlesen**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **PAKEJ SUBSIDI KHAS PERMAI JTB 2021 - COVID-19**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana kita sedia maklum bahawa statistik harian kes positif COVID-19 di negara kita masih tinggi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) sejak 13 Januari 2021 yang lalu.

3. Dalam hubungan ini, Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) amat prihatin terhadap operasi Firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang mana aktiviti ekonomi harian mereka turut terkesan dengan penularan wabak COVID-19 serta penguatkuasaan PKP 2.0 tersebut.

4. Oleh yang demikian, LJT telah mengadakan Mesyuarat Khas Lembaga pada 30 Januari 2021 yang lalu dan telah memutuskan pemberian subsidi kepada JTB yang dikenali sebagai Pakej Subsidi Khas Permai JTB 2021- COVID-19 (PSKPJTB 2021-COVID-19). Subsidi ini adalah sebagai bantuan bagi mengurangkan beban kos operasi firma JTB yang terkesan akibat penularan COVID-19 dan penguatkuasaan PKP 2.0 ini.

5. Subsidi ini diberi secara "one-off" dan perinciannya adalah sepertimana berikut:

**PAKEJ SUBSIDI KHAS PERMAI JTB 2021- COVID-19**

KETERANGAN	KADAR
Subsidi Khas JTB	RM 2,000
Subsidi Upah Pekerja	RM 500 Bagi Setiap Pekerja
Subsidi Khas Peralatan Dan Bahan Pencegahan Virus	RM 100 Bagi Setiap JTB dan Pekerja
Subsidi Khas Saringan Kesihatan	Rm 100 Bagi Setiap JTB dan Pekerja

6. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, subsidi upah pekerja adalah bantuan kewangan kepada JTB bagi setiap pekerja di firma JTB yang mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta **nama dan alamat** firma tersebut adalah yang berdaftar dengan LJT sahaja.

7. Selaras dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan kepada LJT satu (1) salinan Penyata KWSP terkini dan **disahkan** oleh KWSP sebagai dokumen sokongan bagi bayaran subsidi. Penghantaran dokumen tersebut boleh juga dibuat secara atas talian ke email [nazimah.ib@ljt.org.my](mailto:nazimah.ib@ljt.org.my)


8. Subsidi ini akan dibayar terus ke akaun Firma JTB berdasarkan rekod dalam sistem e-LJT bermula bulan Februari 2021. Tarikh akhir permohonan subsidi ini adalah pada **30 April 2021**. Bayaran hanya akan dibuat sekiranya dokumen yang diterima oleh LJT adalah sah dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK Sr ISMAIL BIN HARUN)**

Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia